



Received: 2022-12-21

Accepted: 2023-05-28

Published: 2023-06-15

Original Article

Pendirian Akidah Muḥyī Al-Dīn Al-Nawawī Dalam Polemik Ru'yah Allāh Berdasarkan Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim

(Muḥyī Al-Dīn Al-Nawawī's Position On The Polemic Of Ru'yah Allāh Based On Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim)

Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin^a & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman^a^a Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

* Corresponding author, email: mohdsaifalsiddiqi01@gmail.com

ABSTRACT

Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (d. 676 H) is a figure known for his expertise in fiqh and hadith. Among his masterpieces that are the focus of scholars and researchers is Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim, which is also considered the best Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim. Apart from the two fields of knowledge, one of the fields that he has mastered but that has not yet been widely highlighted is the field of islamic creed. Therefore, there is a need for a study of the character of this great scholar in the field of islamic creed. Among the issues and polemics of theology that are given attention by the theologians is the polemic of the ru'yah Allah and al-Nawawī also provides views on this polemic. Therefore, this study was written to analyze the stance of al-Nawawī and his position in the polemic of Allah's ru'yah in order to identify the stance of this hadith figure. This study uses the method of content analysis based on Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim as well as the works of scholars in the science of islamic creed to obtain relevant information. The study found that al-Nawawī's stance in this polemic is in line with the core essence and methodology of the creed brought by Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah among al-Ashā'irah scholars who argue with evidence of revelation (naqlī) and logic (' aqlī). This at once proves that al-Ashā'irah scholars are also represented by the foremost hadith scholars and not just theologians.

Keywords: Al-Nawawī, creed, hadis, ru'yah Allāh and Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim.

Pendahuluan

Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (w. 676 H) merupakan tokoh dan ilmuwan Islam yang tidak disangkal ketinggian ilmunya terutamanya dalam bidang fiqh dan juga hadis. Beliau

dilahirkan pada bulan Muharam, tahun 631 H¹. Beliau digelar dengan “*Muḥyī al-Dīn*” yang membawa makna ‘yang menghidupkan agama’ sebagai simbolik dengan jasa beliau terhadap umat Islam². Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman al-Sakhāwī (w. 902 H) dalam karya beliau *al-Manhal al-‘Adhub al-Rawī fī Tarjamah Quṭb al-Awliyā’ al-Nawawī* yang eksklusif menerangkan mengenai biodata al-Nawawī menyifatkan beliau sebagai *Shaykh al-Islām* dan *Quṭb al-Awliyā’* (pemimpin para wali Allah di zamannya)³. Oleh itu, ia merupakan suatu pengiktirafan terhadap dua aspek penting bagi seorang ulama yang rabbani iaitu:

1. Aspek keilmuan melalui gelaran *Shaykh al-Islām*. Menunjukkan bahawa beliau telah menguasai kesemua bidang ilmu agama meliputi akidah, fiqh, tasawuf dan lain-lain cabang ilmu.
2. Aspek rohani melalui gelaran *Quṭb al-Awliyā’*. Ia menunjukkan bahawa beliau mempunyai keperibadian dan sahsiah yang tinggi terhadap Tuhannya dan sesama makhluk⁴.

Sejarah telah merekodkan sebilangan besar pujian para ulama dan sarjana terhadap al-Nawawī sebagai bukti pengiktirafan mereka terhadap keilmuannya. Ibn al-‘Aṭṭār ‘Alī bin Ibrāhīm (w. 724 H) menyifatkan beliau seperti berikut:

“Dia lah (al-Nawawī) empunya pelbagai penulisan yang berfaedah, karya yang mulia, permata tunggal pada zamannya, banyak berpuasa dan mendirikan solat, zuhud di dunia, menuntut akhirat, mempunyai akhlak yang indah. Seorang alim yang rabbani dan keilmuannya disepakati oleh para ilmuwan.”⁵

Al-Qāḍī Abū al-Mafākhīr Muḥammad bin ‘Abdul Qādir al-Anṣārī (w.683 H) menyebutkan kepada Ibn al-‘Aṭṭār: “Seandainya al-Qushairī empunya al-Risālah mendapati gurumu (al-Nawawī) dan gurunya (al-Murrākushī), pasti beliau tidak akan mendahulukan sesiapa pun mengatasi mereka berdua ketika menyebutkan para syuyūkh disebabkan dihimpunkan keilmuan, amal, zuhud, warak, bertutur dengan kebijaksanaan dan lain-lain lagi kehebatan mereka berdua.”⁶

Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim dan Kedudukannya Dalam Kalangan Ulama

Antara karya al-Nawawī yang menjadi perhatian utama para ulama dan pengkaji ialah syarahan beliau terhadap *Ṣaḥīḥ Muslim* yang berjudul *al-Minhāj bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* atau juga dikenali sebagai *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab ini mendapat pujian dalam kalangan ulama disebabkan syarah yang diberikan al-Nawawī terhadap hadis-hadis yang berada dalam *Ṣaḥīḥ*

¹ Al-‘Aṭṭār, ‘Alī bin Ibrāhīm, *Tuḥfah al-Ṭālibīn fī Tarjamah al-Imām Muḥyī al-Dīn*, (Amman: Dār al-Atharīyyah, 2007 M), 39.

² Al-‘Aṭṭār, *Tuḥfah al-Ṭālibīn*, 141.

³ Al-Sakhāwī, Muḥammad, bin ‘Abd al-Raḥman, *al-Manhal al-‘Adhub al-Rawī fī Tarjamah Quṭb al-Awliyā’ al-Nawawī*, (t.tp: Waqfiyyah al-‘Amīr Ghāzī li al-Fikr al-Qur’ānī, t.t.), 2

⁴ Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin al-Ṣiddiqī, *Huraian dan Syarah ‘Aqidah Ahli Sunnah Di Sisi al-Imām al-Nawawī*, (Kuala Lumpur: Nizamiyyah Institute, 2022 M.), 1-2.

⁵ Al-‘Aṭṭār, *Tuḥfah al-Ṭālibīn*, 39-40

⁶ Al-‘Aṭṭār, *Tuḥfah al-Ṭālibīn*, 49

Muslim sarat dengan maklumat yang penting serta ditulis dengan laras penulisan yang begitu kritis khususnya apabila al-Nawawī amat menitikberatkan aspek kefahaman bahasa. Beliau juga apabila membincangkan suatu permasalahan, kebiasaannya beliau akan menghimpunkan pandangan-pandangan ulama yang berkaitan lalu beliau memberikan penilaian peribadi beliau terhadap masalah tersebut. Ini jelas menunjukkan sikap kritis al-Nawawī ketika memberikan syarah dan syarah lantas membuatkan karyanya itu menjadi rujukan utama ketika seseorang itu ingin memahami hadis-hadis yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Oleh itu, tidak aneh apabila Shams al-Dīn al-Sakhāwī menyifatkan kitab ini sebagai kitab yang mengandungi keberkatan yang melimpah ruah.⁷

Syarah al-Nawawī terhadap *Ṣaḥīḥ Muslim* mendapat perhatian oleh ulama setelahnya yang ingin menulis syarah terhadap *Ṣaḥīḥ Muslim*. Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī (w. 895 H) yang dikenali sebagai penulis *Umm al-Barāhīn* turut menulis syarah bagi *Ṣaḥīḥ Muslim* dan beliau menyatakan bahawa syarah al-Nawawī turut dijadikan sandaran utama dalam penulisan syarah beliau terhadap *Ṣaḥīḥ Muslim*⁸. Ekoran daripada itu, dapat diketahui bahawa *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* oleh al-Nawawī merupakan karya yang mempunyai nilai ilmiah yang tinggi sehingga dijadikan sandaran ilmuwan-ilmuwan hadis setelahnya.

Melalui karya ini juga dapat dikenal pasti bahawa al-Nawawī merupakan seorang ilmuwan yang bermazhab al-Ash'arī dan ini diakui sendiri oleh Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī (w. 748 H). Beliau berkata:

وكان مذهبه في الصفات السمعية السكوت وإمرازها كما جاءت، وربما كَوَّلَ قليلاً في شرح مسلم. والنووي رجلٌ أشعري العقيدة معروفٌ بذلك⁹.

Terjemahan: Mazhab beliau (al-Nawawī) dalam memahami sifat-sifat *al-sam'iyah* ialah mendiamkan diri (daripada membicarakan maknanya) dan membiarkannya sepertimana ia diturunkan. Kadangkala beliau juga melakukan takwil dalam *Sharḥ Muslim*. Al-Nawawī merupakan tokoh yang berakidah al-Ash'arī dan sememangnya beliau dikenali sedemikian rupa.

Al-Nawawī turut menjelaskan manhaj dan metodologi penulisan karya ini pada mukadimah karya tersebut. Katanya, beliau menulis syarah ini dengan mengambil kaedah pertengahan tanpa menghuraikan sesuatu hadis dengan terlalu mendalam ataupun terlalu ringkas. Beliau juga menyatakan karyanya ini mengandungi himpunan perbincangan-perbincangan yang penting berkenaan usuluddin, *fiqh*, akhlak, perihal kezuhudan, himpunan kaedah syariat, penjelasan

⁷ Al-Sakhāwī, *al-Manhal al-'Adhub al-Rawī*, 13

⁸ Al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf, *Mukammil Ikṃāl al-Ikṃāl*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 1:3.

⁹ Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad, *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhīr al-A'lām*, suntingan Bashār 'Iwāḍ Ma'rūf, (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2003 M.), 15:332.

lafaz-lafaz melalui analisa bahasa, nama-nama perawi dan beberapa perbahasan penting berkaitan ilmu hadis yang bersifat *al-Dirāyah*¹⁰.

Menurut 'Abd al-Ghanī al-Daqr, karya ini merupakan antara karya terakhir al-Nawawī¹¹. Beliau menulis karya ini setelah tahun 674 H dan perkara ini dapat disahkan oleh teks al-Nawawī sendiri dalam *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Al-Nawawī berkata:

“Aku telah pun menjelaskan perbahasan ini (berkenaan *al-ghanīmah*) pada suatu bahagian yang aku telah himpulkan mengenai pembahagian *al-ghanā'im* ketika ia diperlukan pada awal tahun 674 H,”¹²

Berdasarkan maklumat-maklumat ini, dapat disimpulkan bahawa *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* oleh al-Nawawī merupakan karya yang wajar dijadikan sandaran bagi pengkaji yang ingin mengetahui pendirian al-Nawawī dalam isu-isu berkaitan akidah. Hal ini kerana karya tersebut mengandungi perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan usuluddin dan akidah serta ia ditulis sekitar dua tahun sebelum kewafatan al-Nawawī sekali gus menjadikannya sebagai salah satu sumber primer yang utama dalam menentukan pendirian al-Nawawī yang sebenar dalam isu-isu akidah.

Skop dan Metodologi Kajian

Perbincangan pada artikel ini menumpukan pada ucapan al-Nawawī menerusi syarahan beliau terhadap *Ṣaḥīḥ Muslim* sebagai induk kajian berdasarkan kajian kepustakaan serta analisis dokumen yang berkaitan. Dokumen tersebut merupakan karya-karya ilmuwan ilmu kalam yang membincangkan mengenai isu utama dalam kajian ini iaitu polemik *ru'yah Allāh*. Skop utama kajian ini ialah pemikiran dan pendapat al-Nawawī terhadap polemik *ru'yah Allāh*. Di samping itu, komentar dan pendapat ilmuwan yang berkaitan dengan isu ini juga dibincangkan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai isu ini serta kefahaman yang lebih teliti.

Hasil Kajian

[1] Perselisihan Aliran Pemikiran Islam Dalam Polemik *Ru'yah Allāh*

Polemik *ru'yah Allāh* merupakan isu silam yang membicarakan mengenai keharusan melihat Allah SWT sama ada di dunia mahupun di akhirat. Dalam membicarakan mengenai topik ini, terdapat perselisihan pendapat dan pendirian antara beberapa aliran pemikiran Islam dalam menentukan keharusan *ru'yah Allāh*. Perbezaan pendapat antara aliran pemikiran dan mazhab dalam topik ini berpunca daripada perbezaan metodologi dan usul mazhab mereka dalam berinteraksi dengan beberapa firman Allah SWT yang berkaitan *ru'yah Allāh*¹³.

¹⁰ Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1392 H), 1:3-4.

¹¹ 'Abd al-Ghanī al-Daqr, *al-Imām al-Nawawī*, (Damsyik: Dār al-Qalam, 1994 M.), 162-163.

¹² Al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 12:57.

¹³ Ibrāhīm al-Dībū, *Uṣūl Masā'il al-'Aqīdah 'inda al-Mutakallimīn fī Ḍaw' Kutub al-Ḥadīth al-Tis'ah*, (Damsyik: Dār Ṭaybah, 2014 M.), 366.

Secara umumnya, terdapat tiga mazhab utama yang terlibat dengan polemik ini iaitu Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang diwakili al-Ashā'irah, al-Mu'tazilah dan al-Mujassimah. Ketiga-tiga aliran ini mempunyai perbezaan pandangan dalam berinteraksi dengan isu *ru'yah Allāh*.

Pendapat Pertama: Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah

Menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, melihat Allah merupakan perkara yang harus untuk berlaku secara akal (*jā'iz 'aqlī*) dan wajib secara penghabaran wahyu (*wājib shar'ī*)¹⁴. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Qiyāmah ayat ke-22 dan 23:

وَجْهٌ يُومِئِدُ ضِرَّةً * إِلَىٰ رَيْحَانٍ ظِرَّةً

Terjemahan: Pada hari akhirat itu, muka (orang yang beriman) berseri-seri; Melihat kepada Tuhannya.

Adapun daripada al-Sunnah, ia bersumberkan daripada hadis-hadis yang begitu banyak sehingga ia bertaraf *mutawātir ma'nawī*. Antaranya ialah yang diriwayatkan Muslim bin Ḥajjāj (w. 261 H) dalam *Ṣaḥīḥ*-nya:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " إِذَا دَخَلَ أَهْلُ الْجَنَّةِ الْجَنَّةَ - قَالَ - يُقُولُ اَسْتَبَارَكَ وَتَعَالَى: تُرِيدُونَ شَيْئًا أَزِيدُكُمْ؟ فَيَقُولُونَ: أَلَمْ تُبَيِّضْ وُجُوهَنَا؟ أَلَمْ تُدْخِلْنَا الْجَنَّةَ، وَتُنَجِّنَا مِنَ النَّارِ؟ ". قَالَ: " فَيَكْشِفُ الْحِجَابَ، فَمَا أُعْطُوا شَيْئًا أَحَبَّ إِلَيْهِمْ مِنَ النَّظَرِ إِلَى رَيْحِمٍ عَزَّ وَجَلَّ¹⁵ ".

Terjemahan: "Daripada Nabi SAW bersabda: Apabila ahli syurga sudah memasuki syurga, - Baginda bersabda- Allah SWT berfirman kepada mereka: "Adakah kalian inginkan sesuatu nikmat untuk Aku tambahkan kepada kalian?" Mereka pun menjawab: "Bukankah Engkau telah memutihkan wajah kami? Bukankah Engkau telah memasukkan kami ke dalam syurga dan menyelamatkan kami daripada neraka?" Lalu Baginda berkata: "Maka terbuka lah hijab. Lantas tidak ada suatu nikmat pun yang telah mereka menerimanya lebih disukai berbanding dapat melihat Tuhan mereka yang Maha Mulia."

Pendapat Kedua: Al-Mu'tazilah

Menurut al-Mu'tazilah, melihat Allah merupakan perkara yang secara akal (*mustahīl 'aqlī*) untuk berlaku. Mereka telah bersepakat secara ijmak untuk menolak keharusan melihat Allah SWT dengan mata kepala¹⁶. Mereka cuba membuktikan kebenaran keyakinan mereka ini dengan

¹⁴ Al-Ash'arī, Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Luma' fī al-Radd 'alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*, suntingan Ḥasan al-Shāfi'ī, (Mesir: Dār al-Ḥukamā' Lil al-Nashr, 2021 M.), 165-167.

¹⁵ *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Īmān, Bāb Ithbāt Ru'yah al-Mu'minīn fī al-Ākhirah Rabbahum*, no. hadis: 181.

¹⁶ Al-Ash'arī, Muḥammad bin Ismā'īl, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, suntingan Na'im Zarzūr, (t.tp: al-Maktabah al-'Aşriyyah, 2005 M.), 1:131.

bersandarkan kepada wahyu dan juga logik akal¹⁷. Keyakinan mereka bahawa Allah SWT tidak boleh dilihat ini berdasarkan firman Allah SWT dalam ayat ke-103 surah al-An'ām:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ

Terjemahan: Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan.

Al-Mu'tazilah menyangka bahawa ayat tersebut menunjukkan kemustahilan secara mutlak bahawa Allah SWT dapat dilihat¹⁸.

Antara hujah 'aqliyyah yang dibawa oleh kelompok al-Mu'tazilah dalam menyokong dakwaan kemustahilan *ru'yah Allāh*, melihat Allah SWT melazimkan bahawa diri-Nya itu bertempat pada satu arah kerana proses melihat melibatkan penglihatan mata dan mata hanya melihat perkara yang berada pada arah yang boleh dilihatnya. Seandainya Allah berada di suatu arah, maka ia melazimkan Allah itu *jawhar*¹⁹ ataupun 'araq²⁰ dan ia merupakan perkara yang mustahil²¹.

Pendapat Ketiga: Al-Mujassimah

Menurut al-Mujassimah, Allah SWT sememangnya boleh dilihat kerana Allah SWT merupakan jisim menurut mereka. Oleh itu, mereka tidak mempunyai sebarang masalah dengan isu kelaziman Allah SWT itu bertempat apabila dilihat kerana mereka sememangnya menerima keyakinan sedemikian²².

Perkara ini tidak aneh kerana punca kegelinciran golongan al-Mujassimah berpunca daripada kesilapan mereka dalam memahami sifat-sifat Allah SWT. Mereka memahaminya dengan cara yang literal serta terkesan dengan pemikiran antropomorfisme²³. Menurut Umar Muhammad

¹⁷ Kamarzaman, Mohd Haidhar, Mohd Faizul Azmi, Abdull Rahman Mahmood, Zakaria Stapa, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, and Indriaty Ismail. 2020. "Terjemahan Kitab Al-Luma' Dan Analisis Perbahasan Ru'yah Allah Menurut Al-Ash'ari: Translation of Al-Luma' and Discussion of Ru'yah Allah According to Al-Ash'ari". Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam 22 (1):1-34. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol22no1.1>.

¹⁸ Al-Qādī 'Abd al-Jabbār, *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah*, suntingan Fayṣal 'Awn, (Kuwait: Kuwait University Translation and Publication Committee, 1998 M.), 74.

¹⁹ Merujuk kepada zat dan esensi makhluk yang memenuhi ruang.

²⁰ Merujuk kepada sifat yang ada pada makhluk.

²¹ Al-Qādī, *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah*, 74 dan Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad, *Sharḥ al-Mawāqif*, suntingan Maḥmūd al-Dimiyāṭī, (Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1998 M.), 8:151.

²² Lihat al-Ash'arī, *Maqālāt al-Islāmiyyin*, 1:171.

²³ Antropomorfisme ataupun *tashbīh* merujuk kepada pemikiran yang menyamakan Tuhan dengan sifat-sifat makhluk. Pemikiran ini merupakan antara pemikiran yang bercanggah dengan akidah sebenar bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terutamanya pada permasalahan ayat *mutashābihāt*. Lihat Wan Razali, Wan Mohd Fazrul Azdi, Syed Salim Syed Shamsuddin, Mohammad Aizuddin Abdul Aziz, and Mohd Faisal Mohamed. 2020. "Laysa Kamithlihi Shay'un: The Interpretation of Mutashābihāt Verses and Traditions by 'Abd Al-Qadir Wangah in Risālah Manhaj Ahl Al-Sunnah". Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, April, 1-24. <https://doi.org/10.22452/afkar.sp2020no1.1>.

Noor, pentafsiran yang mengandungi unsur antropomorfisme ataupun *tashbīh* ditolak oleh jumhur ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah²⁴.

Di samping itu, golongan al-Mujassimah sering dikaitkan dengan ahli hadis disebabkan sebahagian daripada mereka dalam kalangan al-Ḥanābilah yang meriwayatkan hadis-hadis berkenaan sifat Allah SWT tanpa sebarang huraian lanjut. Sebahagian daripada mereka pula bersikap agak keterlaluan sehingga membenarkan periwayatan hadis yang mengandungi kecatatan pada sanad ataupun matan untuk menyokong akidah mereka. Umar Muhammad Noor menegaskan bahawa sikap mereka ini mendapat kritikan daripada jumhur ulama sebagai respon terhadap sikap mereka ini²⁵.

Namun begitu, penulis berpendapat bahawa ahli hadis dan juga al-Ḥanābilah tidak wajar disinonimkan dengan al-Mujassimah kerana Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah turut dibarisi oleh ahli hadis dan al-Ḥanābilah. Ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Ibn Fūrak (w. 406 H) dalam Mujarrad Maqālāt al-Ash'arī yang mengkategorikan ahli hadis itu kepada ahli hadis yang hanya menumpukan periwayatan hadith tanpa melibatkan diri dalam perdebatan menggunakan logik akal dan juga ahli hadis yang mempunyai kemahiran dalam berdebat dengan kaedah logik akal yang turut dikenali sebagai *nuzzār aṣḥāb al-ḥadīth*. Ini sekali gus menunjukkan bahawa ahli hadis secara umumnya tidak berpihak satu mazhab akidah bahkan ia merupakan gelaran kepada mana-mana ilmuwan yang berkecimpung dalam ilmu hadis sama ada bermazhab akidah al-Ash'arīyah ataupun al-Ḥanābilah.²⁶

[2] Jawapan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Terhadap al-Mu'tazilah

Secara umumnya, Al-Mu'tazilah menolak keharusan melihat Allah SWT kerana:

1. Pemahaman mereka terhadap firman Allah SWT dalam ayat ke-103 daripada surah al-An'ām.
2. Proses melihat melazimkan Allah SWT itu berada di suatu arah dan tempat.

Adapun berkenaan ayat tersebut, Abū al-Ḥasan 'Alī bin Ismā'īl al-Ash'arī (w. 324 H) menjawab dalam karyanya *al-Luma' fī al-Radd 'alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida'* dengan jawapan yang tuntas. Al-Ash'arī berkata yang dimaksudkan dengan diri-Nya tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata itu ialah ketika di dunia kerana al-Quran sesekali tidak mengandungi kontradiksi (*tanāquḍ*)²⁷. Oleh yang demikian, apabila Allah berfirman bahawa diri-Nya tidak

²⁴ Muhammad Noor, U. (2021). Polemik Pentafsiran Maqām Maḥmūd dan Penolakan Antropomorfisme dalam Kalangan Ahli Sunnah: Maqām Maḥmūd Polemic and the Denunciation of Anthropomorphism in Sunni Islam. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 23(1), 1–48. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no1.1>

²⁵ Ibid.

²⁶ Lihat Ibn Fūrak, *Mujarrad Maqālāt al-Ash'arī*, taḥqīq Aḥmad 'Abd al-Raḥīm, (Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Diniyyah, 2005.), 4.

²⁷ Menurut al-Taftāzānī, sesuatu kontradiksi hanya berlaku apabila dua kenyataan yang saling bertentangan berlaku pada waktu yang sama. Apabila ternafinya persamaan pada waktu, ternafi juga

dapat dilihat pada ayat tertentu, maka ketidakharusan untuk melihat itu bukanlah pada waktu yang sama yang dimaksudkan oleh Allah Taala pada ayat lain²⁸ yang menyatakan diri-Nya itu boleh dilihat²⁹.

Berkenaan dengan isu kelaziman arah dan tempat, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (w. 505 H) juga sudah menjawab kemusykilan ini menerusi karyanya *al-Iqtisād fī al-ʿItiqād*. Beliau berkata dakwaan kelaziman Allah Taala bertempat pada suatu arah seandainya Dia dilihat itu tidak boleh diterima. Hal ini kerana tidak wujud sebarang kemestian antara melihat dan bertempatnya perkara yang dilihat³⁰. Seandainya mereka berhujah bahawa setiap perkara yang dilihat di dunia ini pasti bertempat, nescaya golongan al-mujassimah juga boleh menggunakan hujah yang sama yakni Allah Taala yang merupakan pencipta alam ini pasti berjisim kerana setiap pencipta yang ada di dunia ini hanyalah berbentuk jisim³¹.

[3] Perbezaan Antara Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Dan al-Mujassimah

Meskipun Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah wa al-Jamā'ah dan al-Mujassimah bersetuju bahawa Allah SWT sememangnya boleh dilihat, namun kedua-duanya berbeza dalam menentukan bagaimana proses *ru'yah Allāh* itu berlaku dan punca (*'illah*) keharusan *ru'yah*. Menurut Sa'ad al-Dīn Mas'ūd bin 'Umar al-Taftāzānī (w. 792 H), Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berpendapat bahawa punca keharusan *ru'yah* ialah kewujudan. Selama mana sesuatu perkara itu wujud, maka ia dapat dilihat³².

Adapun menurut al-Mujassimah, punca keharusan *ru'yah* ialah keberadaan-Nya SWT pada suatu arah dan tempat serta zat-Nya merupakan jisim³³. Perkara ini jelas bertentangan dengan pendapat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bahawa Allah SWT itu bukanlah jisim dan maha suci daripada sifat-sifat makhluk. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bersepakat dengan al-Mujassimah pada keharusan *ru'yah* namun berselisih pandangan pada

keberlakuan kontradiksi di sini. Lihat al-Taftāzānī, Mas'ūd bin 'Umar, *Sharḥ al-Risālah al-Shamsiyyah fī Tahḥīr al-Qawā'id al-Manṭiqiyyah*, suntingan Mas'ūd Sa'īdī, (Kuwait: Dār al-Ḍiyā', 2022 M.), 502.

²⁸ Ayat tersebut ialah ayat ke-22 dan ke-23 daripada surah al-Qiyāmah.

²⁹ Lihat al-Ash'arī, *al-Luma'*, 171.

³⁰ Hal ini kerana melihat merupakan suatu kekuatan mencerap (*al-idrāk*) yang diciptakan oleh Allah Taala pada makhluk lalu sesuatu perkara menjadi jelas dan tampak bagi empunya sifat ini secara adat dan kekuasaan-Nya. Menurut al-Ghazālī, hakikat melihat itu merupakan sebahagian daripada *al-idrāk* dan Allah SWT boleh sahaja mencipta *al-idrāk* pada seseorang tanpa perlu kepada arah mahupun warna. Lihat Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *al-Iqtisād Fī al-ʿItiqād*, suntingan Muṣṭafā 'Imrān, (Kaherah: Dār al-Bashā'ir, 2008 M.), 281-282.

³¹ Al-Ghazālī, *al-Iqtisād*, 275-276. Lihat juga artikel penulis yang bertajuk "Aplikasi Ilmu Ādāb Al-Baḥṡh Wa Al-Munāzarah Dalam Isu Ru'yah Allāh" untuk melihat bagaimana konsep penghujahan al-Ghazālī dalam isu ini berdasarkan kaca mata ilmu *ādāb al-baḥṡh wa al-munāzarah*. Lihat SAIFUL, MOHD SAIFUL AQIL NAIM BIN SAFUL AMIN, and Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2022. "Aplikasi Ilmu Ādāb Al-Baḥṡh Wa Al-Munāzarah Dalam Isu Ru'yah Allāh: Application of Adab Al-Baḥṡh Wa Al-Munazarah in the Issue of Ru'yah Allah". *Jurnal Usuluddin* 50 (2):33-44. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no2.3>.

³² Al-Taftāzānī, Sa'ad al-Dīn Mas'ūd bin 'Umar, *Sharḥ al-Maqāsid*, suntingan 'Abd al-Raḥman 'Umayrah, (Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1998 M.), 4:188.

³³ Ibrāhīm al-Dībū, *Uṣūl Masā'il al-'Aqīdah*, 367.

menentukan punca keharusan tersebut. Kedua-duanya bercanggah dengan al-Mu'tazilah yang membawa doktrin kemustahilan *ru'yah Allāh*. Inilah secara ringkas gambaran polemik antara aliran Islam dalam polemik *ru'yah Allāh*.

Jadual 1: Pendapat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, al-Mu'tazilah dan al-Mujassimah Dalam Polemik *Ru'yah Allāh*

| Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah | Al-Mu'tazilah | Al-Mujassimah |
|---|---|--|
| Harus untuk berlaku secara akal dan wajib untuk berlaku berdasarkan syarak. | Mustahil untuk berlaku. | Harus untuk berlaku secara akal dan wajib untuk berlaku berdasarkan syarak. |
| Hal ini kerana Allah itu wujud dan setiap perkara yang wujud itu boleh untuk dilihat. | Hal ini kerana Allah itu tidak bertempat dan setiap perkara yang tidak bertempat itu tidak boleh dilihat. | Hal ini kerana Allah itu berjisim dan bertempat maka setiap perkara yang berjisim dan bertempat itu boleh untuk dilihat. |

[4] Pendirian Muḥyī al-Dīn al-Nawawī Dalam Polemik *Ru'yah Allāh*

Menurut al-Nawawī, *ru'yah Allāh* di akhirat merupakan perkara yang harus untuk berlaku secara akal (*jā'iz 'aqli*) serta mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah ini telah pun bersepakat secara *ijmā'* terhadap keberlakuannya di akhirat kelak³⁴. Al-Nawawī berkata:

اعْلَمَنَّ أَنَّ مَذْهَبَ أَهْلِ السُّنَّةِ جَمْعُهُمْ أَنَّ رُؤْيَةَ اللَّهِ تَعَالَى مُمَكِّنَةٌ غَيْرُ مُسْتَحِيلَةٍ عَقْلًا وَاجْمَعُوا أَيْضًا عَلَى وُفُوعِهَا فِي الْآخِرَةِ وَأَنَّ الْمُؤْمِنِينَ يَرَوْنَ اللَّهَ تَعَالَى دُونَ الْكَافِرِينَ وَرَعَمَتْ طَائِفَةٌ مِنْ أَهْلِ الْبِدْعِ الْمُعْتَرِئَةِ وَالْخَوَارِجِ وَبَعْضُ الْمُرْجِئَةِ أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يَرَاهُ أَحَدٌ مِنْ خَلْقِهِ وَأَنَّ رُؤْيَتَهُ مُسْتَحِيلَةٌ عَقْلًا وَهَذَا الَّذِي قَالُوهُ خَطَأً صَرِيحٌ وَجَهْلٌ قَبِيحٌ وَقَدْ تَظَاهَرَتْ أَدَلَّةُ الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ وَإِجْمَاعِ الصَّحَابَةِ فَمَنْ بَعَدَهُمْ مِنْ سَلَفِ الْأُمَّةِ عَلَى لِيْبَاتِ رُؤْيَةِ اللَّهِ تَعَالَى فِي الْآخِرَةِ لِلْمُؤْمِنِينَ وَرَوَاهَا نَحْوُ مِنْ عِشْرِينَ صَحَابِيًّا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَّ الْقُرْآنَ فِيهَا مَشْهُورَةٌ وَعَازِضَاتُ الْمُبْتَدِعَةِ عَلَيْهَا لَهَا أَجُوبَةٌ مَشْهُورَةٌ فِي كُتُبِ الْمُتَكَلِّمِينَ مِنْ أَهْلِ السُّنَّةِ³⁵

Terjemahan: “Ketahuilah mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah keseluruhannya berpandangan bahawasanya **melihat Allah Taala perkara yang *mumkin* (boleh berlaku)** dan bukannya mustahil secara rasional akal. Mereka juga bersepakat bahawa ia berlaku pada hari akhirat kelak dan bahawasanya orang-orang yang beriman akan melihat Allah Taala manakala orang-orang

³⁴ Al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 3:15.

³⁵ Ibid.

kafir pula tidak melihat-Nya. Suatu kumpulan dalam kalangan ahli bidaah semisal al-Mu'tazilah, al-Khawārij dan sebahagian al-Murji'ah mendakwa Allah Taala tidak boleh dilihat oleh siapa pun daripada kalangan makhluk-Nya dan bahawasanya melihat-Nya merupakan perkara yang mustahil secara rasional akal. Pandangan yang mereka ketengahkan ini secara jelasnya salah dan kebodohan yang buruk. Telah pun zahir dalil-dalil daripada al-Quran, al-Sunnah, ijma' sahabat. Maka ulama selepas mereka dalam kalangan Salaf al-Ummah menetapkan berlakunya melihat Allah Taala di akhirat bagi orang-orang yang beriman. Sekitar 20 orang sahabat telah meriwayatkan perkara ini daripada Rasulullah SAW. Ayat-ayat al-Quran mengenainya juga masyhur manakala jawapan terhadap sanggahan-sanggahan ahli bidaah terhadap perkara ini diketahui dengan jelas keberadaannya dalam kitab-kitab ahli kalam dalam kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah."

Ru'yah Allāh di Dunia

Setelah itu, al-Nawawī lanjutkan perbincangan mengenai keharusan *ru'yah Allāh* untuk berlaku di dunia. Menurut al-Nawawī, *ru'yah Allāh* merupakan perkara yang harus untuk berlaku secara akal namun ia tidak berlaku secara aktual (*bi al-fi'il*). Beliau menyokong pandangan jumhur ulama salaf dan khalaf dalam kalangan ahli kalam yang mengatakan ia tidak berlaku di dunia ini. Kata al-Nawawī:

وَأَمَّا رُؤْيُهُ اِسْتَعَالَى فِي السُّنَنِ فَقَدْ قَدَّمْنَا أَنَّهَا مُمَكِّنَةٌ وَلَكِنَّ الْجُمْهُورَ مِنَ السَّلَفِ وَالْخَلْفِ مِنَ الْمُتَكَلِّمِينَ وَعَبَائِهِمْ
أَنَّهَا لَأَتَمُّعٌ فِي السُّنَنِ وَحَكَى الْإِمَامُ أَبُو الْقَاسِمِ الْفُشَيْرِيُّ فِي رِسَالَتِهِ الْمَعْرُوفَةِ عَنِ الْإِمَامِ أَبِي بَكْرٍ بْنِ فُرَّكَ أَنَّهُ
حَكَى فِيهِلَقَوْلَيْنِ لِلْإِمَامِ أَبِي الْحَسَنِ الْأَشْعَرِيِّ أَحَدُهُمَا وَقَوْلُهَا وَالثَّانِي لَأَتَمُّعٌ³⁶

Terjemahan: "Adapun melihat Allah di dunia maka kami telah pun **menyatakan ia perkara yang mumkin (boleh berlaku)**. Namun begitu, jumhur ulama Salaf dan Khalaf dalam kalangan ahli kalam dan juga selain mereka mengatakan ia **tidak berlaku di dunia**. Al-Imām Abū al-Qāsim al-Qushairī meriwayatkan dalam risalahnya yang masyhur, daripada al- Imām Abī Bakr bin Fūrak bahawasanya beliau meriwayatkan padanya dua pendapat bagi al-Imām al-Ash'arī; salah satunya melihat Allah Taala di dunia berlaku dan pandangan kedua mengatakan tidak berlaku."

Hakikat Ru'yah

Melalui kenyataan-kenyataan tersebut, dapat disimpulkan bahawa al-Nawawī berpandangan proses *ru'yah Allāh* tidak mempunyai sebarang isu dengan logik akal. Hal ini kerana al-Nawawī mempunyai gambaran dan pemahaman yang tepat mengenai proses *ru'yah* sepertimana yang dibawa oleh para ilmuwan al-Ashā'irah. Al-Nawawī berkata:

³⁶ Ibid.

ثُمَّ مَذَهَبُ أَهْلِ الْحَقِّ أَنَّ الرُّؤْيَةَ قُوَّةٌ يَجْعَلُهَا اللهُ تَعَالَى فِي خَلْقِهِ وَلَا يُشْنِزُ فِيهَا اتِّصَالَ الْأَشْعَةِ وَلَا مُقْلَبَةَ الْمَرْبِيِّ وَلَا غَيْرَ ذَلِكَ لَكِنْ جَرَتْ الْعَادَةُ فِي رُؤْيَةِ بَعْضِنَا بَعْضًا بِوُجُودِ ذَلِكَ عَلَى جِهَةِ الْإِتِّفَاقِ لَا عَلَى سَبِيلِ الْإِشْنِزَاطِ وَقَلَّ قَرَّرَ أَئِمَّتُنَا الْمُتَكَلِّمُونَ ذَلِكَ بِدَلَالَتِهِ الْجَلِيلَةِ وَلَا يَلْزَمُ مِنْ رُؤْيَةِ اللهِ تَعَالَى لِثَبَاتِ جِهَةِ تَعَالَى عَنْ ذَلِكَ بِلَيْبِرَاهُ الْمُؤْمِنُونَ لَا فِي جِهَةٍ كَمَا لِيَعْلَمُونَهُ لَا فِي جِهَةٍ وَاسْمٌ أَعْلَمُ³⁷

Terjemahan: “Kemudian mazhab ahli kebenaran menyatakan **melihat itu merupakan suatu kekuatan** yang Allah jadikannya pada makhluk-Nya dan **tidak disyaratkan pada melihat untuk bersambung dengan cahaya, tidak juga disyaratkan berhadapan dengan perkara yang dilihat dan tidak juga selainnya**. Akan tetapi secara adatnya dalam kita memerlukan kepadanya (cahaya dan berhadapan) supaya kita dapat melihat sesama kita³⁸ secara kebetulan dan bukannya secara bersyarat³⁹. Para ulama kita dalam kalangan ahli kalam telah menetapkan pandangan sedemikian dengan bukti-buktinya yang jelas. Melihat Allah SWT pula tidaklah memestikan dan melazimkan kita untuk menetapkan arah (bagi-Nya. Maha Suci Allah daripada berarah, bahkan orang yang beriman melihat-Nya tanpa Dia berada pada sebarang arah sepertimana mereka mengetahui-Nya tanpa Dia berada pada sebarang arah.”

Al-Nawawī berkata lagi pada tempat yang lain:

وَرُؤْيَةُ اللهِ تَعَالَى فِي الدُّنْيَا جَائِزَةٌ وَسُؤَالُ مُوسَى إِهَّا دَلِيلٌ عَلَى جَوَازِهَا إِذْ لَا يَجْهَلُ نَبِيٌّ مَا يَجُوزُ أَوْ يَمْتَنِعُ عَلَى رُؤْيِهِ⁴⁰

Terjemahan: “*Ru’yah Allāh* di dunia merupakan perkara yang harus untuk berlaku dan permintaan Mūsā AS untuk melihat-Nya merupakan bukti keharusannya kerana tidak ada seorang nabi pun yang tidak mengetahui perkara yang harus atau mustahil bagi Tuhannya.”

Menurut al-Taftāzānī, seandainya benar dakwaan mereka bahawa melihat Allah Taala itu merupakan perkara yang mustahil, ia melazimkan bahawa Baginda AS telah meminta perkara yang mustahil bagi Allah Taala dan ini melazimkan bahawa Baginda AS yang merupakan nabi mempunyai sifat jahil terhadap perkara yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah Taala. Ekoran daripada itu, al-Ghazālī berkata bahawa dalam masalah ini, kita diberikan pilihan untuk menjahilkan Baginda AS ataupun al-Mu‘tazilah. Maka pilihlah yang mana lebih layak.⁴¹

³⁷ Ibid.

³⁸ Iaitu secara adat dan sainsnya kita memerlukan cahaya dan berhadapan dengan perkara yang kita lihat supaya boleh melihatnya.

³⁹ Maksudnya ialah kewujudan cahaya dan berhadapan antara dua pihak tidak menjadi syarat bagi proses melihat. Ia hanya semata-mata adat di dunia.

⁴⁰ Al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 3:4.

⁴¹ Lihat al-Taftāzānī, Mas‘ūd bin ‘Umar, *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah*, suntingan Anas al-Sharfāwī, (Damsyik: Dār al-Taqwā, 2020 M.), h.204 dan al-Ghazālī, *al-Iqtisād Fī al-‘Itiqād*, 289.

Berpandukan nukilan al-Nawawī itu, dapat dibuktikan bahawa al-Nawawī berpandangan proses *ru'yah* tidak disyaratkan memerlukan kepada cahaya, tempat dan berhadapan sepertimana yang didakwa oleh al-Mu'tazilah. Bahkan kesemuanya ini hanyalah semata-mata adat yang Allah SWT jadikan di muka bumi. Oleh itu, proses *ru'yah* boleh sahaja untuk berlaku dengan suatu cara yang berbeza dengan adat dan aturannya di dunia kerana konsep hukum adat ini boleh sahaja untuk berubah-ubah sepertimana mukjizat dan *karāmah*. Sedangkan Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī (w. 895 H) menjelaskan hukum adat ini mempunyai tiga elemen utama:⁴²

- i. Hubungan antara subjek (*maḥkūm 'alayhi*) dan hukum yang diletakkan kepadanya (*maḥkūm bihi*) itu dicerap melalui proses pengulangan.
- ii. Hukum tersebut berpotensi untuk berubah.
- iii. Tidak ada unsur *ta'thīr* (memberi kesan) antara *maḥkūm 'alayh* dan *maḥkūm bih*.

Elemen kedua jelas menunjukkan bahawa ia boleh sahaja berlaku dalam keadaan yang bercanggah dengan adatnya seperti Nabi Ibrāhīm a.s. yang tidak hangus dibakar api yang menyala-nyala kerana kelaziman antara membakar dan api itu hanyalah secara adat sahaja. Ekoran itu, proses *ru'yah* di akhirat juga akan menyalahi adatnya ketika di dunia dan ia tidak ada sebarang penghalang yang menghalang sedemikian perkara kerana ia berada di bawah kekuasaan Allah SWT.

Perbincangan

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan dan hasil dapatan berkenaan pandangan al-Nawawī berkenaan isu *ru'yah Allāh* ini, penulis berpendapat terdapat beberapa dapatan penting yang perlu diberikan perhatian dan ia seperti berikut:

Pertama: Pendirian al-Nawawī Merupakan Pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah

Dapatan pertama yang penulis ingin bincangkan ialah pendapat yang dikemukakan al-Nawawī didapati bertepatan dengan pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam kalangan al-Ashā'irah berkenaan isu ini. Ini secara lazimnya membuktikan bahawa beliau merupakan seorang ahli hadis yang bermazhab akidah al-Ashā'irah. Pandangan beliau dalam mengisbatkan keharusan melihat Allah SWT bermuara daripada kefahaman beliau yang jelas dan tepat mengenai definisi *ru'yah* serta melalui kaedah pendalilan yang benar ketika memahami firman Allah SWT serta hadis yang berkaitan. Ini selaras dengan kaedah yang sentiasa dipraktikkan oleh ilmuwan kalam dan mantik iaitu *al-ḥukm 'alā shai' far' 'an taṣawwurih*. Al-Nawawī memahami terlebih pengertian *ru'yah* dengan menjelaskan ia merupakan kekuatan mencerap yang Allah SWT berikan. Oleh itu, al-Nawawī menjelaskan bahawa tidak ada sebarang penghalang bagi Allah SWT untuk berikan kekuatan tersebut tanpa disyaratkan perkara yang dilihat itu berada di

⁴² Lihat al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf, *Sharḥ al-Muqaddimāt*, suntingan Anas al-Sharfāwī, (Damsyik: Dār al-Taqwā, 2019 M.), 96.

depan individu yang melihat sekali gus menolak kelaziman Allah SWT bertempat seandainya Dia itu dilihat seperti yang didakwa al-Mu'tazilah⁴³.

Kedua: Al-Nawawī Merupakan Tokoh Hadis Yang Menguasai Ilmu Kalam

Penulis turut mendapati bahawa al-Nawawī merupakan tokoh hadis yang menguasai ilmu kalam. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui kemampuan beliau mencerakinkan isu *ru'yah Allāh* dengan begitu sistematik dan kritis. Seseorang yang tidak menguasai ilmu kalam pasti tidak akan mampu menjelaskan isu ini seperti yang telah dilakukan oleh al-Nawawī. Ini dikuatkan lagi apabila tokoh ilmu kalam terkemuka Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Ibrāhīm al-Laḳānī (w. 1041 H) menjadikan ucapan dan pandangan al-Nawawī sebagai 'hakim' bagi perselisihan antara salaf dan khalaf berkenaan isu pertambahan iman dan pengurangannya⁴⁴. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa ilmuwan kalam mengakui ketokohan al-Nawawī dalam ilmu kalam sehingga ucapannya layak diangkat sebagai hakim dalam isu akidah.

Ketiga: Ru'yah Allāh Merupakan Isu Yang Penting Untuk Dibincangkan Dengan Teliti

Berdasarkan dapatan kajian ini, penulis juga ingin usulkan suatu perbincangan mengenai kepentingan isu ini. Didapati bahawa *Ru'yah Allāh* merupakan salah satu isu akidah yang perlu dibincangkan dengan lebih teliti dan kritis berpandukan rangka umum Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Isu ini mengandungi perselisihan antara ilmuwan dan mazhab. Oleh itu, ia wajar diambil berat terutamanya dalam kalangan pelajar dan pengkaji dalam bidang usuluddin kerana ia melibatkan keimanan seorang muslim terhadap Allah SWT. Seandainya ia tidak difahami dengan benar, ia berpotensi akan menjerumuskan seseorang itu ke dalam lembah *tashbīh* dan *tajsīm* berkenaan isu ini. Mohd Farid Shahrān turut menegaskan bahawa kesilapan golongan *Karrāmiyyah* dan *Mujassimah* dalam isu ini ialah kerana mereka menyangka bahawa Allah SWT boleh dilihat ialah sesuatu yang wujud itu pasti berada di suatu arah sekali gus melazimkan bahawa melihat Allah SWT meskipun dengan berarah, ia tidak bercanggah dengan akidah mereka kerana mereka menerima konsep arah bagi Allah SWT⁴⁵. Tuntasnya, kefahaman yang salah mengenai isu ini mampu menyebabkan akidah menjadi terpesong.

Keempat: Pendapat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Merupakan Pandangan Yang Selari Dengan Wahyu dan Akal

Akhir sekali, perbincangan yang penulis ingin ketengahkan ialah mengenai keistimewaan pendapat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Pendapat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam isu *ru'yah Allāh* merupakan pandangan yang mengharmonikan antara wahyu dan akal. Pandangan mereka terbukti bersesuaian dengan wahyu kerana melihat Allah SWT di akhirat merupakan perkara yang jelas disebutkan dalam al-Quran dan juga hadis. Di samping itu, pentafsiran makna *ru'yah*

⁴³ Al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 3:15.

⁴⁴ Al-Laḳānī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Ibrāhīm, *'Umdah al-Murīd Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, taḥqīq Jadallāh Bassām dan 'Abd al-Manān al-Idrīsī, (Amman: Dār al-Nūr, 2018.), 1:325.

⁴⁵ Mohd Farid Shahrān, Fakh al-Dīn al-Rāzī on Divine Transcendence and Anthropomorphism: a Refutation against the Literalists, (Putrajaya: Islamic and Strategic Studies Institute Berhad, 2017.), 205.

serta kefahaman mereka terhadap nas wahyu didapati terbukti tidak bercanggah dengan akal yang sejahtera sekali gus menjadi bukti bagi kelegimitasian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai mazhab akidah yang perlu dianuti umat Islam di Malaysia secara khususnya dan di seluruh dunia secara umumnya. Pendapat yang dibawa oleh al-Mu'tazilah dan al-Mujassimah dalam isu ini didapati menyimpang daripada kebenaran kerana pandangan mereka sama ada bertentangan dengan wahyu ataupun logik akal. Oleh itu, segala pandangan yang mempunyai pengaruh pemikiran mereka amat wajar untuk disekat.

Kesimpulan

Setelah diteliti, hasil kajian mendapati bahawa pendirian akidah Muḥyī al-Dīn al-Nawawī dalam polemik *ru'yah Allāh* selari dan sejajar dengan inti pati serta metodologi akidah yang dibawa oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah wa al-Jamā'ah yang diwakili ulama salaf dan khalaf dalam kalangan al-Ashā'irah secara khususnya. Pendirian dan pendekatan yang dibawa oleh al-Nawawī dalam berakidah merupakan pendekatan yang wajar dicontohi dan dijadikan ikutan dan sandaran khususnya oleh umat Islam di Malaysia ini yang berpaksikan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah al-Ash'ariyyah. Pendekatan beliau dalam membawa sinergi dan pengharmonian antara dalil 'aqlī dan naqlī dalam berakidah merupakan manifestasi daripada ketajaman pemikirannya dan kedalaman ilmunya dalam berinteraksi dengan nas al-Quran dan al-Sunnah.

Oleh itu, kajian ini juga berjaya membuktikan bahawa ilmuwan al-Ashā'irah bukan sahaja terdiri daripada ahli kalam yang petah berbicara dan berdialog dengan kaedah dialektik menekankan aspek logik dan rasional sahaja, akan tetapi juga dibarisi ilmuwan-ilmuwan yang berkecimpung dalam dunia hadis sama ada secara *riwāyah* atau *dirāyah* semisal al-Nawawī. Ini jelas menunjukkan bahawa mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang dibawa pendekatannya oleh ulama al-Ashā'irah wajar dijadikan ikutan dalam berakidah kerana ia bukan sekadar sebuah mazhab yang kaya dengan dalil dan hujah yang berasaskan wahyu dan logik akal, akan tetapi ia juga diwakili oleh ilmuwan-ilmuwan yang diakui keilmuwan dan ketokohnya oleh umat Islam secara keseluruhannya semisal al-Nawawī. Begitu aneh sekali seandainya ulama sehebat al-Nawawī yang diakui dan diiktiraf keilmuwan dan kewaliannya oleh para ulama yang sezaman dengannya dan setelahnya untuk memilih pendekatan yang salah dan bidaah dalam berakidah sepertimana dakwaan sebahagian individu dan pengkaji. Jelas sekali, dakwaan tersebut tidak boleh dijadikan sebagai pegangan mahupun dianggap bernilai.

Rujukan

- 'Abd al-Ghanī al-Daqr, al-Imām al-Nawawī, Damsyik: Dār al-Qalam, 1994.
- Al-'Aṭṭār, 'Alī bin Ibrāhīm, Tuḥfah al-Ṭālibīn fī Tarjamah al-Imām Muḥyī al-Dīn, Amman: Dār al-Atharīyyah, 2007.
- Al-Ash'arī, Muḥammad bin Ismā'īl, al-Luma' fī al-Radd 'alā Ahl al-Zaygh Wa al-Bida', suntingan Ḥasan al-Shāfi'ī, Mesir: Dār al-Ḥukamā' Lil al-Nashr, 2021.
- Al-Ash'arī, Muḥammad bin Ismā'īl, Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn, suntingan Na'īm Zarzūr, t.tp: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 2005.

- Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad, *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhīr al-A'lām*, suntingan Bashār 'Iwāḍ Ma'rūf, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2003.
- Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *al-Iqtisād Fī al-I'tiqād*, suntingan Muṣṭafā 'Imrān, Kaherah: Dār al-Bashā'ir, 2008.
- Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad, *Sharḥ al-Mawāqif*, suntingan Maḥmūd al-Dimyāṭī, Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1998.
- Al-Laḡānī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Ibrāhīm, 'Umdah al-Murīd *Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, taḥqīq Jadallāh Bassām dan 'Abd al-Manān al-Idrīsī, Amman: Dār al-Nūr, 2018.
- Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1392H.
- Al-Qāḍī 'Abd al-Jabbār, *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah*, suntingan Fayṣal 'Awn, Kuwait: Kuwait University Translation and Publication Committee, 1998.
- Al-Sakhāwī, Muḥammad, bin 'Abd al-Raḥman, *al-Manhal al-'Adhub al-Rawī fī Tarjamah Quṭb al-Awliyā' al-Nawawī*, t.tp: Waqfiyyah al-'Amīr Ghāzī li al-Fikr al-Qur'ānī, t.t.
- Al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf, *Mukāmmil Ikmāl al-Ikmāl*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf, *Sharḥ al-Muqaddimāt*, suntingan Anas al-Sharfāwī, Damsyik: Dār al-Taqwā, 2019.
- Al-Taftāzānī, Mas'ūd bin 'Umar, *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyyah*, suntingan Anas al-Sharfāwī, Damsyik: Dār al-Taqwā, 2020 .
- Al-Taftāzānī, Mas'ūd bin 'Umar, *Sharḥ al-Risālah al-Shamsiyyah fī Tahṛīr al-Qawā'id al-Manṭiqiyyah*, suntingan Mas'ūd Sa'īdī, Kuwait: Dār al-Ḍiyā', 2022.
- Al-Taftāzānī, Sa'ad al-Dīn Mas'ūd bin 'Umar, *Sharḥ al-Maqāshid*, suntingan 'Abd al-Raḥman 'Umayrah, Beirut: 'Ālam al-Kutub, 1998.
- Ibn Fūrak, Mujarrad *Maqālāt al-Ash'arī*, taḥqīq Aḥmad 'Abd al-Raḥīm, Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Diniyyah, 2005.
- Ibrāhīm al-Dībū, *Uṣūl Masā'il al-'Aqīdah 'inda al-Mutakallimīn fī Ḍaw' Kutub al-Ḥadīth al-Tis'ah*, Damsyik: Dār Ṭaybah, 2014.
- Kamarzaman, Mohd Haidhar, Mohd Faizul Azmi, Abdull Rahman Mahmood, Zakaria Stapa, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, and Indriaty Ismail. 2020. "Terjemahan Kitab Al-Luma' Dan Analisis Perbahasan Ru'yah Allah Menurut Al-Ash'ari: Translation of Al-Luma' and Discussion of Ru'yah Allah According to Al-Ash'ari". *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 22 (1):1-34. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol22no1.1>.
- Mohd Farid Shahrān, *Fakhr al-Dīn al-Rāzī on Divine Transcendence and Anthropomorphism: a Refutation against the Literalists*, Putrajaya: Islamic and Strategic Studies Institute Berhad, 2017.
- Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin al-Ṣiddīqī, *Huraian dan Syarah 'Aqīdah Ahli Sunnah Di Sisi al-Imām al-Nawawī*, Kuala Lumpur: Nizamiyyah Institute, 2022.
- Muhammad Noor, U. (2021). Polemik Pentafsiran Maqām Maḥmūd dan Penolakan Antropomorfisme dalam Kalangan Ahli Sunnah: Maqām Maḥmūd Polemic and the Denunciation of Anthropomorphism in Sunni Islam. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 23(1), 1–48. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no1.1>

- SAIFUL, MOHD SAIFUL AQIL NAIM BIN SAFUL AMIN, and Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2022. "Aplikasi Ilmu Ādāb Al-Baḥṡh Wa Al-Munāzarah Dalam Isu Ru'yah Allāh: Application of Adab Al-Baḥṡh Wa Al-Munazarah in the Issue of Ru'yah Allah". *Jurnal Usuluddin* 50 (2):33-44. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no2.3>.
- Wan Razali, Wan Mohd Fazrul Azdi, Syed Salim Syed Shamsuddin, Mohammad Aizuddin Abdul Aziz, and Mohd Faisal Mohamed. 2020. "Laysa Kamithlihi Shay'un: The Interpretation of Mutashābihāt Verses and Traditions by 'Abd Al-Qadir Wangah in Risālah Manhaj Ahl Al-Sunnah". *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, April, 1-24. <https://doi.org/10.22452/afkar.sp2020no1.1>.